

Ruj. Kami : JPN.PT:163/2/3 Klt.35 (26)  
Tarikh : 19 Mei 2016

**Ketua Pengarang  
The Star**

Tuan,

**MAKLUM BALAS ADUAN AKHBAR THE STAR BERTAJUK "MAKING A DESPERATE  
PLEA FOR HER MYKAD" BERTARIKH 18 MEI 2016, RABU – M.S: 12 (NATION)**

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada aduan mengenai perkara di atas.

2. Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) ingin menjelaskan isu yang dibangkitkan oleh Puan Norhanim Hasnor yang tiada sebarang dokumen pengenalan diri.
3. Hasil semakan mendapati beliau tiada sebarang dokumen pengenalan diri. Sehingga kini, beliau tidak pernah mengemukakan sebarang permohonan di mana – mana pejabat JPN. Sehubungan dengan itu, sekiranya Puan Norhanim Hasnor mempunyai bukti berdokumen mengenai kelahiran beliau, beliau bolehlah hadir ke JPN berhampiran bagi mengemukakan permohonan pendaftaran lewat kelahiran berdasarkan peruntukan undang – undang sedia ada.
4. Ingin dijelaskan, setiap permohonan yang dikemukakan di JPN mestilah lengkap beserta dokumen - dokumen atau bukti - bukti berkaitan permohonan yang ingin dipohon. Beban dan tanggungjawab untuk membuktikan kelayakan pemohon bagi mengemukakan sesuatu permohonan adalah menjadi tanggungjawab pemohon itu sendiri.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

**(FARA MAYA BINTI AHMAD JELANI)**

Pegawai Perhubungan Awam,  
b.p Ketua Pengarah,  
Jabatan Pendaftaran Negara,  
Malaysia.

☎ : 03-88807077

☎ : 03-88808288

✉ : [pro@jpn.gov.my](mailto:pro@jpn.gov.my)

- s.k.:
1. YBrs. Tuan TKPPN (O)
  2. YBhg. Datin Seri TKPPN (P)